



***NILAI BUDAYA TAMIL DALAM ANTOLOGI CERPEN PUCCARAM DAN  
AGRINAI VAARISU***

**SARASWATHY A/P PORMALU @ PERUMAL**

**FBMK 2019 35**



**NILAI BUDAYA TAMIL DALAM ANTOLOGI CERPEN PUCCARAM DAN  
AGRINAI VAARISU**



Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera

**Julai 2018**

## **HAK CIPTA**

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia,

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera

**NILAI BUDAYA TAMIL DALAM ANTOLOGI CERPEN PUCCARAM DAN  
AGRINAI VAARISU**

Oleh

**SARASWATHY A/P PORMALU @ PERUMAL**

**Julai 2018**

**Pengerusi : Profesor Madya Paramasivam A/L Muthusamy, PhD**  
**Fakulti : Pengajian Bahasa Moden dan Komunikasi**

Tujuan utama kajian ini adalah untuk menghuraikan nilai budaya Tamil dalam antologi cerpen ‘Puucharam’ dan ‘Ahriñai Vāricu’ terbitan ‘Nenjaarntha Tamil Pagirvu’. Kurangnya tabiat dan minat membaca cerpen yang memaparkan nilai budaya Tamil telah mengakibatkan pengabaian dan kepupusan amalan nilai-nilai ini dalam kalangan masyarakat Tamil Malaysia serta menyumbang kepada kehilangan identiti masyarakat Tamil di Malaysia. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti dan menjelaskan NNBT (Nilai-Nilai Budaya Tamil) dalam antologi cerpen ‘Puucharam’ dan ‘Ahriñai Vāricu’ terbitan ‘Nenjaarntha Tamil Pagirvu’, Akhir sekali kajian ini akan merumuskan implikasi daripada pemaparan nilai-nilai budaya Tamil dalam antologi cerpen tersebut. Penyelidik berfokus kepada satu nilai budaya sahaja iaitu ‘Sistem Normatif’. Penyelidik ini menggunakan kaedah kajian “4 I Method” iaitu “Identification & Documentation”, “Investigation & Compartmentalization”, “Analisis & Explanation” dan “Integration & Conclusion” yang dipelopori oleh ‘Hermeneutik’. Analisis penyelidikan ini mencerminkan kepenggunaan nilai budaya sistem normatif dalam cerpen Tamil Malaysia pada tahun 2013, tetapi ia adalah dalam kadar yang minimum sahaja sekiranya dibandingkan dengan karya-karya sastera Tamil lama seperti *Mahabharata*, *Ramayana*, *Thirukkural* dan sebagainya. Analisis dapatan kajian juga turut memaparkan kewujudan nilai budaya masyarakat Tamil dalam pemaparannya. Berdasarkan kenyataan ini, penyelidik dapat membuat kesimpulan bahawa, para pengarang cerpen mengutamakan peristiwa persekitaraan dalam cerpen, agar ia menjadi pengajaran kepada para pembaca yang menjadi kayu ukur untuk menilai reaksi segala tindakan mereka.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment  
of the requirement for the degree of Master of Arts

**TAMIL CULTURE VALUES IN "PUCCARAM AND AGRINAI VAARISU"  
ANTOLOGY OF SHORT STORIES**

By

**SARASWATHY D/O PORMALU @ PERUMAL**

**July 2018**

**Chairman : Associate Professor Paramasivam a/l Muthusamy, PhD**  
**Faculty : Modern Languages and Communication**

The main purpose of this study is to describe the value of Tamil culture in the anthology of the short stories 'Puucharam' and 'Āh̄rinai Vāricu' published by 'Nenjaarntha Tamil Pagirvu'. The lack of habits and interests of reading a short story that demonstrates the value of Tamil culture has resulted in the neglecting and extinction of practicing these values among the Tamil community of Malaysia and contributing to the loss of Tamil identity of the community in Malaysia. This study aims to identify and explain the NNBT (Tamil Culture Values) in the anthology of 'Puucharam' and 'Āh̄rinai Vāricu' published by 'Nenjaarntha Tamil Pagirvu', Finally, this study will summarize the implications of Tamil cultural values in anthology the short story. Researchers have focused on only one cultural value of 'Normative System'. The researchers used the "4 I Method" study methods, "Identification & Documentation", "Investigation & Compartmentalization", "Analysis & Explanation" and "Integration & Conclusion" pioneered by Hermeneutics. This research analysis reflects the cultural values of the normative system in the Malaysian Tamil storytelling in 2013, however it is only at a minimal rate compared to old Tamil literary works such as Mahabharata, Ramayana, Thirukkural and so on. The analysis of the findings also illustrates the existence of cultural values of the Tamil community in its story. Based on this fact, the researcher concluded that, the authors of the short story prioritize surrounding events in their stories, so that they become an education to the readers who are the benchmarks to evaluate the reactions of their actions.

## **PENGHARGAAN**

Saya terhutang budi kepada pihak-pihak tertentu yang telah menjadi nadi dan tulang belakang bagi saya dalam menyempurnakan penyelidikan ini.

Julung kali, saya bersyukur kepada Tuhan yang maha Esa kerana dengan limpahan rahmat serta nikmat masa, nyawa tenaga yang dianugerahkan, saya dapat menyiapkan penyelidikan ini dengan jayanya.

Seterusnya, saya ingin mendedikasikan ucapan penghargaan ini kepada penyelia saya, Prof. Madya Dr. M. Paramasivam yang telah menyelia penulisan tesis ini. Beliau telah banyak memberi nasihat, tunjuk ajar, kritikan serta cadangan yang telah membantunkan dan memantapkan penyelidikan ini. Semangat kesabaran, pembacaan yang teliti serta maklumbalas daripada beliau yang menyakinkan telah membantu saya dalam melengkapkan tesis ini.

Saya juga ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada Dr. Fazilah Binti Husin, selaku penyelia dalaman saya atas kesudian beliau dalam memberi pandangan dan saranan bagi memurnikan tesis ini. Tunjuk ajar serta bimbingan dan kritikan yang positif daripada beliau telah membuka ruang untuk saya menyempurnakan penyelidikan ini dengan jayanya.

Sekalung penghargaan juga dirakamkan kepada ayah saya Encik. Pormalu @ Perumal A/L Muniandy dan ibu saya Puan. Tanaletchemy A/P Kandasamy yang telah memberi dorongan serta keyakinan dalam menyiapkan tesis ini. Mereka telah memberikan saya segala kemudahan dan sokongan moral yang tidak terhingga sehingga saya berjaya menyempurnakan tesis saya ini.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk memanjangkan ucapan terima kasih saya kepada suami saya Encik. Muralitharan A/L Shanmugam yang sanggup mengorbankan masa serta memberi sokongan moral dan memahami saya sepanjang proses melengkapkan penyelidikan ini. Tidak lupa juga cahaya mata saya yang tercinta, Sundresh A/L Muralitharan yang telah mengorbankan masa kualitinya, sentiasa memberi semangat untuk terus menulis tesis dan memahami saya dalam perjalanan penyiapan tesis ini. Bantuan kalian akan senantiasa subur dalam sanubari saya. Tidak dilupakan kakak saya Pn. Kasturi A/P Pormalu @ Perumal, abang ipar Ganesh A/L Muthaiyah, anak-anak saudara saya Tharsheena Reddy A/P Ganesh dan Krishnya Reddy A/P Ganesh yang sentiasa memberi dorongan agar saya berjaya dalam menyempurnakan penyelidikan ini.

Saya juga turut berterima kasih kepada Pn.Rohaidah Kamaruddin, senior-senior saya Pn.Thanam, Pn.Malar, Pn.Ponniyammah, Cik.Kaveri, En.Ganesan, En.Subra, Pn.Thenmozhi dan rakan-rakan seperjuangan saya kerana telah banyak menghulurkan bantuan, bimbingan dan kerjasama bagi merealisasikan usaha menyempurnakan tesis ini dengan jayanya. Mereka telah banyak memberi peringatan terhadap setiap apa yang saya telah alpa dan membantu saya dengan menjawab setiap pertanyaan yang saya utarakan kepada mereka.

Ucapan ribuan terima kasih ini juga ditujukan kepada semua pihak yang telah terlibat dalam menjayakan tesis ini sama ada secara langsung atau tidak langsung. Segala bantuan yang telah dipanjangkan amatlah saya hargai kerana tanpa bantuan dan sokongan anda semua, tesis ini tidak dapat menjadi realiti.

Ucapan penghargaan ini juga saya tujukan kepada cerpenis-cerpenis Tamil iaitu, Thulasi Sundaram dan C. Vadivelu yang telah membuka ruang kepada saya untuk mendalami penyelidikan ini melalui penulisan mereka. Tidak lupa juga kepada Jabatan Pengajian India, Universiti Malaya serta Perpustakaan Universiti Malaya yang telah membenarkan saya untuk menjalankan penyelidikan lanjut disitu.

Akhir sekali, bagi semua yang membantu saya dalam menyiapkan tesis ini terima kasih dan budi pihak tuan/puan amat dihargai.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sastera. Ahli-ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Paramasivam a/l Muthusamy, PhD**  
Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Fazilah Husin, PhD**  
Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahasa Moden & Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**ROBIAH BINTI YUNUS, PhD**  
Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

## **Perakuan pelajar siswazah**

Saya memperakui bahawa

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik : Saraswathy A/P Pormalu @ Perumal, GS36974

## **Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyelidikan**

Dengan ini diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah selian kami;
- tanggungjawab penyelian sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Pengerusi  
Jawatankuasa  
Penyeliaan:

Profesor Madya Dr. Paramasivam Muthusamy

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Ahli  
Jawatankuasa  
Penyeliaan:

Dr. Fazilah Husin

## ISI KANDUNGAN

	<b>Halaman</b>
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>PENGESAHAN</b>	v
<b>PERAKUAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiv
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xv
<b>PANDUAN SEBUTAN TULISAN TAMIL</b>	xvii
<b>BAB</b>	
<b>1 PENDAHULUAN</b>	1
1.1 Pernyataan Masalah	4
1.2 Objektif Kajian	6
1.3 Persoalan Kajian	6
1.4 Kepentingan Kajian	7
1.5 Batasan Kajian	8
1.6 Kerasionalan Pemilihan Bahan Kajian	9
1.7 Definisi Operasional	10
1.7.1 Definisi Nilai Budaya	10
1.8 Kesimpulan	11
<b>2 SOROTAN KAJIAN</b>	12
2.1 Kajian-Kajian Yang Berkaitan Dengan Budaya	12
2.2 Kajian-Kajian yang berkaitan dengan budaya Tamil	15
2.3 Kajian-Kajian yang berkaitan dengan nilai budaya	17
2.4 Kajian-Kajian yang berkaitan dengan pemaparan nilai budaya	20
2.5 Kajian-Kajian yang berkaitan dengan cerpen	20
2.6 Kajian-Kajian yang berkaitan dengan Teori Hermeneutik	24
2.7 Perkaitan Antara Kajian Terdahulu Deingen Kajian Ini	25
2.8 Kesimpulan	26
<b>3 METODOLOGI</b>	27
3.1 Reka Bentuk Kajian	27
3.2 Sistem Normatif	27
3.3 Kerangka Teori	32
3.3.1 Horizon Teks	33
3.3.2 Horizon Pengarang	34
3.3.3 Horizon Pembaca	34
3.4 Instrumen Kajian	35
3.5 Prosedur Kajian	35
3.5.1 Kaedah Rujukan Perpustakaan	35
3.5.2 Analisis Dapatan	35

3.5.2.1	Identifikasi dan Dokumentasi (Identification and Documentation)	36
3.5.2.2	Penerokaan dan Penjenisan Data yang telah dikumpul ( <i>Investigation and Compartmentalization</i> )	37
3.5.2.3	Proses menginterpretasi dan Analisis ( <i>Interpretation and Analysis</i> )	37
3.5.2.4	Penggabungan data dan Kesimpulan ( <i>Integration and Conclusion</i> )	37
3.6	Teori Hermeneutik	38
3.7	Rasional Teori dengan Dapatan Kajian	41
3.8	Kerangka Teori Konseptual	42
3.9	Kesimpulan	43
<b>4</b>	<b>DAPATAN DAN PERBINCANGAN</b>	<b>44</b>
4.1	Objektif 1: Mengenal Pasti NNBT (Nilai-Nilai Budaya Tamil) Dalam Antologi Cerpen ‘Puucharam’ Dan ‘Aḥriṇai Vāricu’ Terbitan ‘Nenjaarntha Tamil Pagirvu’	44
4.2	Objektif 2: Menjelaskan Nilai-Nilai Budaya Tamil Dalam Antologi Cerpen ‘Puucharam’ Dan ‘Aḥriṇai Vāricu’ Terbitan ‘Nenjaarntha Tamil Pagirvu’	55
4.3	Objektif 3: Merumuskan Implikasi Daripada Pemaparan Nilai-Nilai Budaya Tamil Dalam Antologi Cerpen Tersebut	69
4.3.1	Adat Resam	69
4.3.1.1	Mengucap Vaṇakkam (Salam)	69
4.3.1.2	Menyambut Tetamu (விருந்தோம்பல்)	74
4.3.1.3	Bertanya Khabar/Bertegur Sapa	80
4.3.1.4	Mengucap Terima Kasih	83
4.3.1.5	Meminta Maaf	89
4.3.1.6	Pemberian Anak Kandung Sebagai Anak Angkat	95
4.3.1.7	Memberi Restu	98
4.3.1.8	Mendapat Restu	101
4.3.1.9	Majlis Perasmian Rumah	103
4.3.1.10	Adat Kematian	105
4.3.1.11	Ucapan Takziah	110
4.3.1.12	Mengkalungkan Bunga Malai Pada Gambar Orang Yang Telah Meninggal Dunia	112
<b>5</b>	<b>RUMUSAN</b>	<b>114</b>
5.1	Kesimpulan	114
5.1.1	Objektif 1: Mengenal Pasti NNBT (Nilai-Nilai Budaya Tamil) Dalam Antologi Cerpen Bertajuk ‘Puucharam’ ( <i>Kalungan Bunga</i> ) Oleh Thulasi Sundaram Dan ‘Aḥriṇai Vāricu’ ( <i>Generasi Asing</i> ) Oleh C. Vadivelu Terbitan ‘Nenjaarntha Tamil Pagirvu’	115

5.1.2	Objektif 2: Membincangkan Pemaparan NNBT (Nilai-Nilai Budaya Tamil) Dalam Antologi Cerpen ‘Puucharam’ ( <i>Kalungan Bunga</i> ) Dan ‘Ahriṇai Vāricu’ ( <i>Generasi Asing</i> )	115
5.1.3	Objektif 3: Mentafsir Implikasi Daripada Pemaparan Nilai-Nilai Budaya Tamil	116
5.1.3.1	Mengucap <i>Vaṇakkam</i> (Salam)	116
5.1.3.2	Menyambut Tetamu (விருந்தோம்பல்)	116
5.1.3.3	Bertanya Khabar/Bertegur Sapa	116
5.1.3.4	Mengucap Terima Kasih	117
5.1.3.5	Meminta Maaf	117
5.1.3.6	Pemberian Anak Kandung Sebagai Anak Angkat	117
5.1.3.7	Memberi Restu	118
5.1.3.8	Mendapat Restu	118
5.1.3.9	Majlis Perasmian Rumah	118
5.1.3.10	Adat Kematian	119
5.1.3.11	Ucapan Takziah	119
5.1.3.12	Menggalungkan Bunga Malai Pada Gambar Orang Yang Telah Meninggal Dunia	119
5.2	Implikasi Dapatan Kajian	120
5.3	Cadangan Kajian Lanjutan	120
5.4	Penutup	121
<b>RUJUKAN</b>		123
<b>LAMPIRAN</b>		131
<b>BIODATA PELAJAR</b>		143
<b>SENARAI PENERBITAN</b>		144

## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>	<b>Muka surat</b>
4.1 Senarai Nama Cerpen dalam antologi ‘ <i>Puccaram</i> ’ (Bunga Malai) oleh Thulasi Sundaram (2013)	45
4.2 Senarai Nama Cerita Dalam Antologi ‘ <i>Aḥrinai Vāricu</i> ’(Generasi Asing) Oleh C.Vadivelu (2013)	46
4.3 Analisis Rumusan Dapatan Kajian Nilai Budaya SN Bagi Komponen Adat Resam	56
4.4 Analisis 1: Pemberian Anak Kandung Sebagai Anak Angkat	65
4.5 Analisis 2: Menyambut Tetamu	66
4.6 Analisis 3: Meminta Maaf	68
4.7 Analisis 4 Mengucap <i>Vaṇakkam</i>	69
4.8 a Analisis 5.a. Menyambut Tetamu	74
4.8 b Analisis 5.b. Menyambut Tetamu	76
4.8 c Analisis 5.c. Menyambut Tetamu	77
4.9 Analisis 6 Bertanya Khabar	81
4.10 a Analisis 7.a Mengucap Terima Kasih	84
4.10 b Analisis 7.b Mengucap Terima Kasih	85
4.11.a Analisis 8.a Meminta Maaf	89
4.11 b Analisis 8.b. Meminta Maaf	91
4.11 c Analisis 8.c. Meminta Maaf	92
4.11 d Analisis 8.d. Meminta Maaf	93
4.12 Analisis 9 Pemberian Anak Kandung Sebagai Anak Angkat	97
4.13 Analisis 10 Memberi Restu	99
4.14 Analisis 11 Mendapat Restu	101
4.15 Analisis 13 Majlis Perasmian Rumah	104
4.16.a Analisis 14.a Adat Kematian	106

4.16 b	Analisis 14.b Adat Kematian	108
4.17	Analisis 15 Ucapan Takziah	110
4.18	Analisis 16 Menggalungkan Bunga Malai Pada Gambar Orang Yang Telah Meninggal Dunia	112



## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>	<b>Muka surat</b>
3.1 12 Unsur Adat Resam	28
3.2 Kerangka Analisis Sistem Normatif I	29
3.3 Kerangka Analisis Sistem Normatif II	30
3.4 Kerangka Analisis Identiti Budaya Masyarakat India	31
3.5 Kerangka ‘Teori Hermeneutik’ yang membahas pola hubungan segitiga diantara teks, pengarang dan pembaca	33
3.6 Kerangka Konseptual Kajian	42
4.1 16 Aspek-Aspek Utama Sistem Normatif	48
4.2 a Analisis SN yang merangkumi Adat Resam, NilaiNilai Kewanitaan, Taat Setia Kepada Pemimpin, Institusi Keluarga, Institusi Masyarakat	49
4.2 b Analisis SN yang merangkumi Institusi Berasaskan Masyarakat, Status Dalam Masyarakat, Institusi Perkahwinan, Institusi Politik dan Institusi Pelajaran	50
4.2 c Analisis SN yang merangkumi Aspek-Aspek Norma Cerpen Tamil, Perkara-Perkara yang Dilarang, Perkara-Perkara yang Betul, Perkara-Perkara yang Salah dan Kebiasaan yang Mengatur Hidup	51
4.2 d Analisis SN Yang Merangkumi Karya-Karya Klasik	52
4.3 Analisis Sistem Normatif Adat Resam	55
5.1 12 Unsur Nilai Budaya Yang Dianalisis, Ditafsir Dengan Pandangan Sasterawan Dan Sarjana	115

## SENARAI SINGKATAN

ACCT	Antologi Cerpen-Cerpen Tamil
AT	Antologi
AV	<i>Agrinai Vaarisu (Aḥriṇai Vāricu)</i>
BM	Bahasa Melayu
BS	Baris
BT	Bahasa Tamil
CCT	Cerpen-Cerpen Tamil
CN	Cerpen
EET	Epik-Epik Tamil
IPT	Institusi Pengajian Tinggi
KKTM	Karya Kreatif Tamil Malaysia
KKCTM	Karya Kreatif Cerpen Tamil Malaysia
KNNBT	Komponen Nilai-Nilai Budaya Tamil
NNB	Nilai-Nilai Budaya
NNBT	Nilai-Nilai Budaya Tamil
NRC	Nombor Rujukan Cerpen
NRC	Nombor Rujukan Cerpen
NTP	<i>Nenjaarntha Tamil Pagirvu</i>
PC	<i>Puccaram (Pūccaram)</i>
SK	Sub Komponen
SN	Sistem Normatif
SPM	Sijil Peperiksaan Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Peperiksaan Malaysia

TR

Tulisan Roman

PdPc

pengajaran dalam pembelajaran pemudahcara

BBM

bahan bantuan mengajar



## PANDUAN SEBUTAN TULISAN TAMIL

<b>Vokal</b>	
<b>Pendek</b>	<b>Panjang</b>
அ a	ா aa
இ i	ஈ ii
உ u	ஊ uu
எ e	ஏ ee
ஓ o	ஒ oo

<b>Diftong</b>	
ஐ ai	
ஓா au	

<b>Konsonan</b>					
<b>Keras</b>	<b>Lembut</b>	<b>Sederhana</b>			
க k/g/h	ங் ng	ஶ	y		
ச c/s/j	ஞ் ny	ர்	r		
ட் t/d	ண் N	ல்	l		
த் th	ந் ன்	வ்	v		
ப் b/p	ம் m	ஃ	zh		
ற் R	ந் n	ன்	L		

<b>Tulisan Grantha</b>	
ஜ j	
ஹ h	
ஶ sh	
ஷ sy	
ஷ்க ksh	
ஸ்ரி sri	

Sumber: Radha Sellappan  
(2011)

## BAB 1

### PENDAHULUAN

Penulisan genre Karya Kreatif Tamil Malaysia (KKT) telah bermula dengan perpindahan masuk masyarakat India dari India dan Sri Lanka secara besar-besaran pada penghujung abad ke-19 dan ke-20, semasa penjajahan British (Rajoo, 1984). Ketika masyarakat Tamil berhijrah dari India (Tamil Nadu) ke Malaysia, mereka telah membawa bersama khazanah ilmu dan kesusasteraan Tamil yang terunggul nilai budayanya. Kesusasteraan klasik Tamil dari Tamil Nadu, berkisar tentang agama, amalan kehidupan, pantang larang, kepercayaan, adat resam, tradisi, nilai-nilai moral, nilai-nilai kebudayaan dan linguistik bahasa Tamil.

Sejak akhir-akhir ini, KKT terutamanya genre cerpen Tamil telah berkembang sebagai hasil pembacaan masyarakat Tamil Malaysia. Dhandayudham (1978), menyatakan bahawa kemunculan cerpen Tamil dalam kesusasteraan Tamil di Malaysia lahir seiring dengan kemunculan novel Tamil Malaysia pada tahun 1917. Perkembangan cerpen Tamil di Malaysia telah bermula secara teratur pada tahun 1930an. Namun, perkembangan cerpen Tamil Malaysia hanya berakar umbi pada tahun 1950an. Cerpen-cerpen yang dihasilkan sebelum 1950an telah ditulis oleh penulis-penulis yang berasal dari Tamil Nadu (India) dan Sri Lanka yang telah lama menetap di Malaysia (Murasu, 1997:197). Oleh yang demikian, hasil karya mereka lebih mencerminkan unsur-unsur India dan Sri Lanka. Malah, unsur-unsur tempatan sukar ditemui dalam hasil karya KKT pada tahap permulaan.

Peranan akhbar-akhbar Tamil tempatan yang telah mengadakan kelas cerita '*Katai Vakuppu*' oleh Suba Narayanan (1950-51), '*Iracanai Vakuppu*' (*Kelas Kecenderungan*) pada tahun 1952 dan '*Ilakkiai Vaṭṭam*' (*Lingkaran Sastera*) oleh K.Alakiricami pada tahun 1952 telah menggiatkan lagi perkembangan genre cerpen (Murasu, 1997). Seterusnya, semangat yang disuntik oleh akhbar-akhbar tempatan seperti '*Tamilmuracu*' (*Tamil Muracu*), '*Tamilmalar*' (*Tamil Malar*), '*Malainātu*' (*Malai Natu*) dan dorongan sepadu oleh majalah mingguan '*Cāṅkamani*' (*Cankamani*) serta majalah bulanan telah membantu perkembangan bidang genre cerpen Tamil tempatan (Murasu, 1997:197).

Menurut Murasu (1997:199), cerpen-cerpen Tamil tempatan yang diterbitkan pada tahap awal tidak begitu mencerminkan pemikiran sosial. Malah tema yang dipilih pada masa itu adalah berkisar pada situasi semasa masyarakat Tamil Malaysia, politik, pendidikan, ekonomi, agama dan institusi keluarga yang bergelora dengan pelbagai masalah serius. Di samping itu, Dhandayudham (1978:2) menyatakan bahawa hasil karya penulis-penulis tempatan Tamil ketika itu lebih bercorak patriotisme, isu-isu kewarganegaraan, ketagihan dadah, tabiat meminum arak, perpecahan dalam komuniti, tuntutan hak wanita, perkahwinan balu, situasi pendidikan masyarakat Tamil di sekolah-sekolah Tamil, keadaan kehidupan di ladang-ladang, sikap belia,

perpaduan di antara ketiga-tiga kaum, kemiskinan, kepercayaan karut dan organisasi-organisasi rasional.

Ikhtiar ini masih diteruskan oleh Koperasi Permodalan Tanah Berhad (National Land Finance Coperatives Society) sebagai kenangan mendiang Sambanthan.V.T. Selain itu, Jabatan Pengajian India Universiti Malaya dan Pelajar-Pelajar Tamil Universiti Kebangsaan Malaysia khasnya, masih mengadakan ‘*Pēravaik Kataikal*’ (Pertandingan Cerpen) yang dilancarkan sejak 1985 secara konsisten (Karthigesu, 2004:43). Sememangnya cerpen berformat kecil dan ia berkembang setiap hari. Oleh yang demikian, media cetak tempatan tidak dapat menawarkan peluang yang besar bagi perkembangan penerbitan. Namun, perkembangan genre cerpen Tamil dan karya kreatif Tamil Malaysia telah diberi satu landasan yang mantap dengan pelancaran ‘*Program Nenjaarntha Tamil Pagirvu*’oleh Yayasan Sakti dan Universiti Malaya semenjak tahun 2011.

“*Program Nenjaarntha Tamil Pagirvu*” (Program Penerbitan Hasil Karya Kreatif Tamil), merupakan suatu program yang mendukung Pelan Transformasi 1 Malaysia kesusasteraan, bahasa, seni dan budaya masyarakat Tamil di Malaysia. Ia merupakan sebuah program khas yang dibentuk oleh Yayasan Sakti dengan kerjasama dan sokongan Jabatan Perdana Menteri Malaysia. Program ini bermatlamat untuk mencungkil bakat para penulis Tamil tempatan yang berbakat dalam menghasilkan tulisan-tulisan yang bertaraf antarabangsa dengan menerbit serta menyebarluaskan hasil tulisan mereka. Rajantheran. M, adalah pengarah bagi program Nenjaarntha Tamil Pagirvu.

Penulis cerpen “*Program Nenjaarntha Tamil Pagirvu*” telah mengaplikasikan pemikiran-pemikiran yang membawa paradigma baharu seperti pemikiran ideal dan pemikiran globalisasi. Malah, tema-tema cerpen mereka adalah berkisar pada realiti kehidupan manusia, perasaan, emosi, isu-isu sosial, isu-isu ekonomi, dan politik masyarakat Tamil Malaysia yang diselitkan dengan nilai-nilai budaya Tamil. Walaupun terdapat banyak cerpen Tamil di Malaysia, penyelidik hanya memilih antologi cerpen-cerpen ini kerana ia banyak mencerminkan nilai-nilai budaya Tamil yang kurang dikaji.

Menurut Saravanan (2010:10), salah satu cabang yang utama dalam kesusasteraan Tamil ialah cerpen. Genre cerpen lebih sesuai untuk menilai identiti kebudayaan berbanding dengan genre puisi kerana ia mudah mendampingi masyarakat berbanding dengan puisi. Hal ini diperkuuhkan oleh Karthigesu (2004:29) yang menyatakan bahawa semenjak dari tahun 1970 sehingga kini tema plot cerita cerpen Tamil Malaysia adalah berkaitan dengan fenomena ekonomi generasi baharu masyarakat Tamil, isu-isu masyarakat dan budaya masyarakat Tamil Malaysia. Misalnya, karyawan terunggul kesusasteraan Tamil Tholkappiar, telah menerbitkan koleksi antologi Tamil ‘*Tolkāppiyam*’ pada suatu masa sebelum Masehi, walaupun terdapat percanggahan pendapat bahawa ianya telah diterbitkan antara tahun 450 dengan tahun 550 Masehi (Zvelebil, 1973:156).

Tholkappiar telah menganjurkan 10 nilai budaya yang wajib diamalkan oleh setiap pasangan suami dan isteri dalam kehidupan sehari-hari seperti budaya ‘*agam*’ (fenomena cinta/dalam), asal-usul kelahiran/keluarga, budaya institusi keluarga, kewibawaan antara suami dan isteri, umur, cinta yang sebatik, kesusilaan, keperihatinan, kecerdikan dan kekayaan (*Tolkāppiyam*’: ayat 1219). Menurut Manavalakan (2005:94), kesemua 10 tuntutan nilai budaya oleh pendeta Tholkappiar ini menonjolkan kehidupan generasi Tamil dahulu kala, yang melimpah dengan nilai moral sopan santun serta kaya dengan nilai-nilai budaya. Oleh demikian, nenek moyang masyarakat Tamil Malaysia tetap mengamalkan amalan kehidupan, kebudayaan, agama, pantang larang dan kepercayaan Tamil di Malaysia Murasu (1997:125). Di samping itu, pendeta terunggul Tamil Tholkappiar juga telah menyenaraikan sifat-sifat peribadi yang wajib dihindari oleh setiap individu seperti sikap kecemburuan, niat jahat yang boleh menghancurkan orang lain, sifat memuji diri sendiri, menghasut, menyinggung perasaan orang lain, sifat tidak bertanggunjawab, sifat malas dan sikap mengagung-agungkan kejayaan kaum keluarga sendiri (*Tolkāppiyam*’: vol. 1220) (Manavalakan, 2005:94).

Amalan kehidupan ini tidak bertentangan dengan agama, adat resam, tradisi, nilai moral dan nilai budaya Tamil kerana kesemua ini adalah berlandaskan pada kesusasteraan Tamil. Fenomena ini telah menghindar masyarakat India (Tamil) yang mendiami di Malaysia pada masa zaman *Sangam*, daripada terlibat dalam kejadian yang tidak diingini. Kesannya, wujud semangat perpaduan dan kesatuan yang erat dalam kalangan masyarakat Tamil Malaysia. Kurangnya kes jenayah dalam kalangan mereka kerana setiap selok-belok amalan kehidupan sehari-hari mereka terikat dengan budaya Tamil. Hal ini kerana, budaya masyarakat Tamil zaman *Sangam* adalah budaya terunggul yang membentuk tamadun terawal dunia (Sangar Munisamy, 2011). Namun, peredaran zaman telah mengakibatkan kesemua amalan kehidupan yang mulia dengan nilai-nilai moral dan nilai-nilai budaya telah dilupakan. Kelahiran generasi moden yang merasakan budaya Tamil tidak sesuai dan ketinggalan zaman bagi kehidupan mereka, telah mula memulaukan serta tidak menghiraukannya. Fenomena ini telah membawa generasi digital Tamil ke arah kehidupan ala-barat yang telah memudaratkan lagi keadaan masyarakat India di Malaysia.

Kanak-kanak dan remaja Tamil patut didedah dan dididik dengan nilai-nilai budaya Tamil sejak dari kecil lagi agar mereka tidak terlibat dalam gejala sosial dan jenayah kelak. Langkah ini amat sesuai sekiranya ia disemai dalam diri setiap kanak-kanak Tamil sejak dari bangku sekolah, khasnya di sekolah rendah. Fenomena ini adalah sejajar dengan dapatan kajian Jeyanthy (2006:61-63), yang menunjukkan bahawa pantang larang dapat membentuk disiplin kendiri dalam kalangan pelajar remaja India (2006: 59). Beliau juga mendapat bahawa panel pakar dalam membina item yang telah menguji alat dalam kajian beliau turut bersepakat bahawa pantang larang dapat membentuk disiplin kendiri.

Penekanan yang sama berat kepada komponen sastera seperti epik-epik Tamil dalam bentuk buku-buku cerita mudah, yang memaparkan nilai-nilai budaya Tamil, sewajarnya turut disertakan dalam kurikulum pengajaran dan pembelajaran bahasa

Tamil di SJK(T). Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) kesusasteraan sebegini akan dapat menyedarkan kanak-kanak akan kepentingan amalan nilai-nilai budaya yang terkandung dalam bahan sastera.

Berdasarkan pemikiran ini, banyak negara telah menyerap pengajaran kesusasteraan sebagai sebahagian dari kurikulum di sekolah sama ada sebagai satu mata pelajaran tersendiri atau sebagai sebahagian daripada mata pelajaran bahasa. Sejak dari tahun 1969, pengajian kesusasteraan di Singapura telah dijadikan sebahagian daripada mata pelajaran bahasa bagi *Secondary One and Two*. Manakala, dalam pengajaran bahasa Inggeris, sastera disarankan untuk program '*English As A Second Language*' (Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua) dan '*English As A Foreign Language*' (Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Asing).

### 1.1 Pernyataan Masalah

Golongan cendekiawan Malaysia sering mengadu mengenai kekurangan tabiat membaca buku dalam kalangan anak-anak murid mereka. Data statistik dari Kajian Literasi Kebangsaan yang dijalankan oleh Perpustakaan Negara Malaysia mendedahkan bahawa, rakyat Malaysia hanya membaca purata dua halaman setahun pada tahun 1982 dan ia berkembang menjadi dua buah buku setahun pada tahun 1996 (Annamalai & Muniandy, 2013). Manakala, kajian Kaur, S., dan Thiagarajah (1999) pula menunjukkan bahawa tabiat membaca buku dalam kalangan pelajar-pelajar Malaysia adalah sangat sedikit. Malah, mereka lebih gemar menonton televisyen dan video jika dibandingkan dengan membaca buku untuk mendapatkan maklumat pada masa lapang. Hasil kajian yang sama juga didapati oleh Pandian (1997) dan Frank & Associates (1996).

Dapatan kajian Pandian (1997), pula melaporkan bahawa 80.1% daipada mahasiswa universiti Malaysia enggan membaca bahan-bahan bacaan yang terdapat dalam bahasa Inggeris. Malah, kajian yang dikendalikan oleh Md Yasin, A. Y., Wan Mohd Shaupil, W. M. H., Mukhtar, A. M., Abd Ghani, N. I., & Rashid, (2010) juga menyokong hasil penemuan terkini Pandian (2000). Menurut Pandian (2000), faktor latar belakang pelajar, rumah dan sekolah memainkan peranan dan kesan yang penting dalam menentukan tabiat membaca. Kemajuan media elektronik yang pantas, telah mengakibatkan pelajar-pelajar lebih mahir dengan permainan elektronik serta menonton televisyen untuk jangka masa yang lama pada masa lapang. Ini telah mengurangkan lagi tabiat membaca buku dalam kalangan pelajar-pelajar.

Menurut Liu (2005), pelbagai perubahan telah dikesan pada tabiat membaca dalam kalangan pelajar kolej adalah disebabkan oleh perkembangan pesat dalam media digital melalui Internet. Walaubagaimanapun, dapatan kajian Kaur, S., & Thiagarajah (1999) mendedahkan bahawa kebanyakan pelajar lebih suka menghabiskan 3-5 jam dalam seminggu untuk aktiviti membaca. Namun, dapatan kajian Kaur, S., & Thiagarajah (1999) menunjukkan bahawa 69.8% daripada pelajar terlibat dalam kerja-kerja sastera, 28.6% membaca suratkhabar dan 25.4% pula terlibat

dalam membaca novel. Walaupun data ini menunjukkan maklumat yang positif terhadap tabiat membaca pelajar, namun para pelajar membaca untuk mengisi masa lapang sahaja dan bukannya untuk tujuan akademik.

Dapatkan kajian ini disokong lagi oleh Nor Shahriza A. K., (2007) yang juga mendapati bahawa para pelajar menghabiskan 7 hingga 9 jam dalam seminggu untuk aktiviti membaca yang dilakukan pada masa lapang sahaja. Namun, aktiviti membaca ini tidak dilaksanakan untuk tujuan akademik atau pendidikan, tetapi hanya dilakukan pada masa lapang sahaja. Malah, ini adalah aktiviti akademik yang wajib dilaksanakan oleh pelajar-pelajar tersebut demi untuk lulus dalam peperiksaan sahaja. Tidak hairanlah, apabila Nor Shahriza A. K., (2007) juga turut melaporkan bahawa kebanyakan pelajar lebih cenderung untuk menggunakan sumber elektronik dan teknologi maklumat lebih banyak jika dibandingkan dengan membaca buku-buku bercetak bagi menambahkan lagi ilmu pengetahuan.

Isu kurangnya tabiat membaca dalam kalangan rakyat Malaysia sememangnya membimbangkan. Isu ini disokong oleh Tiew (2010), yang telah menjalankan kajian terhadap ‘Tabiat dan Minat Membaca Di kalangan Pelajar Tingkatan Empat Di SMK Hulu Kelang, Gombak. Hasil kajian Tiew (2010) menunjukkan bahawa bahan bacaan bahasa Tamil yang menjadi pilihan para pelajar untuk aktiviti membaca hanya merangkumi 1.45% (1 kekerapan) sahaja. Walaubagaimanapun, menurut Sri Ayu Kartikawati (2014), Laporan Nielsen Media Research telah merekodkan peningkatan jumlah pembaca India (130,000) bagi tahun 2013 berbanding 128,000 orang yang dicatatkan sebelum ini pada 2012. Namun, jumlah pembaca India ini hanyalah sebahagian kecil daripada jumlah penduduk kaum India Malaysia iaitu, sebanyak 2,189,966 orang berbanding dengan jumlah penduduk Malaysia seramai 29,999,530 orang. Dalam laporan *The Star* (April 24, 2014) menyatakan jumlah penduduk Malaysia adalah seramai 29,999,530 orang setakat tahun 2010 dan rakyat India hanya sebanyak 7.3% sahaja. Data ini jelas menyokong dan membuktikan bahawa, masyarakat India Malaysia kurang membaca bahan-bahan bacaan terutamnya buku-buku.

Penghasilan karya, buku, puisi, sajak, pantun, novel, risalah, majalah dan surat khabar dalam Bahasa Tamil banyak diterbitkan. Namun, sejaухmanakah bahan-bahan bacaan ini mempamerkan nilai-nilai budaya masyarakat Tamil serta memberi impak kepada masyarakat Tamil di negara ini? Nilai budaya amalan dan tradisi Tamil semakin berkurangan sejak akhir-akhir ini.

Persoalan-persoalan sebegini telah menjadi pernyataan masalah dalam kajian ini. Oleh itu, pengkaji berpendapat semua persoalan ini akan terjawab sekiranya satu kajian yang terperinci dijalankan untuk meneroka nilai-nilai budaya yang terpendam dalam karya kreatif. Perkembangan sihat dalam penerbitan karya kreatif Tamil di Malaysia seharusnya diikuti dengan kajian serta penyelidikan yang bercorak ilmiah. Fenomena ini telah mendorong pengkaji menjalankan penyelidikan berkaitan pempararan nilai budaya Tamil dalam cerpen Tamil Malaysia dan menghuraikan rasional yang terselindung dalam setiap amalan gaya hidup masyarakat Tamil

tempatan. Hal ini kerana, nilai-nilai budaya setiap anggota masyarakat secara disedari atau tidak, akan berperanan dalam membentuk pola kebudayaan. Adalah menjadi tanggungjawab kita dalam memelihara dan mengekalkan budaya dan nilai budaya tempatan dalam konteks pemodenan, pembangunan dan globalisasi kini.

Maka, boleh disimpulkan bahawa setakat ini kurangnya kajian bagi memperlihatkan pemaparan nilai budaya dalam karya kreatif terbitan ‘*Nenjaarntha Tamil Pagirvu*’ dengan menggunakan Teori Hermeneutik terhadap cerpen Tamil Malaysia. Justeru itu, penyelidik ingin membuka lembaran baharu dalam penyelidikan kesusasteraan Tamil Malaysia dengan mengkaji pemaparan nilai budaya dalam aspek sistem normatif (unsur adat resam) yang dipaparkan dalam karya kreatif khasnya cerpen Tamil Malaysia terbitan ‘*Nenjaarntha Tamil Pagirvu*’ pada tahun 2013 sahaja.

## 1.2      **Objektif Kajian**

Berdasarkan pernyataan masalah di atas, tujuan umum kajian ini adalah untuk mengupas pemaparan nilai budaya dalam dua buah antologi cerpen Tamil Malaysia yang telah dikaryakan oleh dua orang penulis Tamil Malaysia. Secara khususnya objektif kajian ini adalah untuk:-

1. Mengenal pasti NNBT (Nilai-Nilai Budaya Tamil) dalam antologi cerpen ‘*Puucharam*’ dan ‘*Ahriṇai Vāricu*’ terbitan ‘*Nenjaarntha Tamil Pagirvu*’.
2. Menjelaskan nilai-nilai budaya Tamil dalam antologi cerpen ‘*Puucharam*’ dan ‘*Ahriṇai Vāricu*’ terbitan ‘*Nenjaarntha Tamil Pagirvu*’.
3. Merumuskan implikasi daripada pemaparan nilai-nilai budaya Tamil dalam antologi cerpen tersebut.

## 1.3      **Persoalan Kajian**

Berdasarkan objektif kajian, tiga soalan telah dibentuk untuk kajian ini seperti berikut:-

1. Apakah nilai-nilai budaya Tamil yang terpapar dalam cerpen ‘*Puucharam*’ (*Kalungan Bunga*) dan ‘*Ahriṇai Vāricu*’ (*Generasi Asing*)?
2. Adakah cerpen Tamil Malaysia memberikan gambaran yang jelas tentang nilai budaya masyarakat Tamil di Malaysia?
3. Apakah implikasi yang berhasil daripada pemaparan nilai-nilai budaya Tamil dalam antologi cerpen tersebut?

## **1.4 Kepentingan Kajian**

Nilai-nilai budaya yang ditonjolkan dalam sastera klasik dan epik-epik Tamil yang tertua boleh diadaptasikan dalam bidang pengajaran dalam pembelajaran pemudahcara (PdPC) mengikut kesesuaian kehendak kurikulum dan peringkat usia murid-murid sekolah. Makalah, kit belajar, nota pendek, modul murid dan bahan bantuan mengajar (BBM) yang lain boleh diadaptasikan untuk mencapai matlamat ini. Langkah-langkah ini akan pasti membina keperibadian bakal generasi muda sejak dari bangku sekolah rendah lagi sehingga ke akhir hayat. Penyuntingan sebegini akan dapat menyedarkan generasi muda tentang keunikan amalan nilai-nilai budaya yang terkandung dalam bahan sastera.

Hasil penyelidikan ini diharapkan akan bermanfaat kepada masyarakat dengan mewujudkan kefahaman dalam mengutamakan penyanjungan karya sastera klasik dan epik-epik Tamil. Selain itu, pertembungan sastera klasik, epik-epik Tamil dengan cerpen, berpotensi menyampaikan amalan murni, nilai budaya dan nilai-nilai moral dari perspektif rohaniah kepada masyarakat. Hal ini akan pasti mencegah masyarakat daripada terjebak dalam kelunturan nilai budaya yang akan menghasilkan budaya negatif dan permusuhan dalam kalangan generasi muda kelak.

Penyelidikan ini akan berguna kepada golongan mahasiswa dalam mengenal pasti nilai-nilai budaya yang terpapar dalam cerpen, sastera klasik serta epik-epik lama. Secara tidak langsung, penyelidikan ini akan menjadi pemudahcara golongan mahasiswa dalam memahami sastera klasik dan epik-epik lama yang kian ditinggalkan dalam perkembangan dunia maya. Usaha ini akan menjadi batu loncatan bagi mereka dalam menerima, menghormati, menghayati amalan ketimuran, kepercayaan, membentuk keperibadian mulia yang diwarisi secara turun-temurun dan mempraktikkannya dalam amalan kehidupan harian mereka. Sastera berperanan sebagai pelengkap amalan kehidupan harian masyarakat. Sastera mendidik masyarakat akan selok-belok kehidupan dengan menghindari keburukan dan memantapkan kebaikan dari masa lampau. Sememangnya, sastera menceburi pemikiran globalisasi, ia mampu menjadi sebagai landasan dalam menampilkan amalan mulia dan membentuk sahsiah diri agar generasi akan datang tidak merasakan kehilangannya. Hasil kajian ini akan membolehkan penyelidik dalam mengenal pasti dan mengkaji keberkesanannya penyampaian pesanan budaya Tamil menerusi dua buah cerpen Tamil terbitan “*Program Nenjaarntha Tamil Pagirvu*” di Malaysia, oleh penulis tempatan.

Hasil kajian ini akan dapat memberi penjelasan yang lebih terperinci kepada persoalan kajian. Hal ini kerana, kajian ini akan dijalankan secara mendalam berkaitan nilai-nilai budaya. Usaha ini juga diharapkan akan menjadi pedoman kepada para penyelidik pada masa akan datang yang berkaitan dengan nilai budaya dalam karya kreatif Tamil di Malaysia. Bakal penyelidik dalam bidang nilai budaya akan dapat menggunakan dapatan kajian ini dalam mendalamai pemaparan pesanan nilai budaya dalam hasil penulisan mereka. Usaha ini juga dapat menjanjikan perkembangan sumber ilmu dalam bidang budaya masyarakat Tamil di Malaysia. Penyelidikan ini

akan dapat menyumbang pengetahuan baru dari aspek pemaparan nilai-nilai budaya dalam cerpen bahasa Tamil di Malaysia.

Penelitian penyelidik mendapati bahawa pelbagai kajian berkaitan nilai budaya dalam puisi Tamil Malaysia dan nilai murni, karya terjemahan dari bahasa Inggeris ke bahasa Melayu telah dijalankan. Walau bagaimanapun, kajian mengenai nilai budaya Tamil dalam karya kreatif terutamanya dalam cerpen Tamil Malaysia kurang dijalankan.

Lantaran itu, kajian ini diharapkan akan dapat membuka lembaran baharu kepada bakal penyelidik dalam bidang kesusasteraan Tamil. Sesungguhnya cerpen-cerpen Tamil terbitan '*Nenjaarntha Tamil Pagirvu*', memaparkan nilai budaya masyarakat Tamil Malaysia. Justeru itu, perlunya penyelidikan berkaitan nilai budaya Tamil dalam cerpen Tamil terbitan '*Nenjaarntha Tamil Pagirvu*', agar generasi seterusnya akan dapat mengetahui, memahami, merasai keistimewaan dan terus mengamalkan budaya masyarakat Tamil. Seterusnya, kajian ini diharapkan akan dapat mencerminkan keunikan budaya masyarakat Tamil Malaysia yang dapat dikenali dan difahami oleh masyarakat majmuk di Malaysia.

### **1.5 Batasan Kajian**

Kajian ini difokuskan kepada perbincangan dan pentafsiran nilai budaya Normatif dalam cerpen Tamil Malaysia yang dipilih dari KKCTM terbitan '*Nenjaarntha Tamil Pagirvu*' tahun 2013. Penyelidik telah mengenal pasti 16 unsur Sistem Normatif iaitu Adat Resam, Karya-Karya Klasik, Institusi Keluarga, Institusi Masyarakat, Institusi Berasaskan Masyarakat, Institusi Perkahwinan, Institusi Politik, Institusi Pelajaran, Kebiasaan yang Mengatur Hidup, Perkara-Perkara yang Salah, Perkara-Perkara yang Betul, Perkara-Perkara yang Dilarang, Aspek-Aspek Norma Dalam Cerpen Tamil, Status Dalam Masyarakat, Taat Setia Kepada Pemimpin dan Nilai-Nilai Kewanitaan sebagai hasil dapatan kajian utama. Namun, hanya unsur Adat Resam yang paling banyak terpapar dalam teks cerpen-cerpen yang dikaji oleh penyelidik.

Kesemua 12 nilai budaya adat resam ini memaparkan nilai budaya Tamil secara ketara sekali menerusi teks dalam cerpen. 12 aspek adat resam yang dimaksudkan adalah adalah seperti Mengucap Vanakam (salam), Menyambut Tetamu, Bertanya Khabar, Mengucap Terima Kasih, Meminta Maaf, Pemberian anak kandung sebagai anak angkat dengan rela hati, Memberi Restu, Mendapat Restu, Majlis Perasmian Rumah, Adat Kematian, Ucapan Takziah dan Menggalungkan bunga malai pada gambar orang yang telah menginggal dunia. Maka, penyelidik telah memilih unsur Adat Resam sebagai hasil dapatan kajian agar, dapat mencapai objektif kedua iaitu menjelaskan nilai-nilai budaya Tamil dalam antologi cerpen '*Puucharam*' dan '*Aḥriṇai Vāricu*' terbitan '*Nenjaarntha Tamil Pagirvu*' dan objektif ketiga iaitu merumuskan implikasi daripada pemaparan nilai-nilai budaya Tamil dalam antologi cerpen tersebut.

Sebanyak dua buah antologi cerpen Tamil Malaysia yang diterbitkan di bawah, “*Program Nenjaarntha Tamil Pagirvu*” (*Program Antologi Karya-Karya Kreatif Tamil*) iaitu, ‘*Puucharam*’ (*Kalungan Bunga*) oleh Thulasi Sundaram dan ‘*Ahriñai Vāricu*’ (*Generasi Asing*) oleh C. Vadivelu yang diterbitkan pada tahun 2013 telah digunakan bagi tujuan kajian ini. Sebanyak 42 buah cerpen telah dikaji bagi tujuan penyelidikan ini. Senarai tajuk-tajuk cerpen yang digunakan untuk kajian ini disertakan dalam Lampiran I dan Lampiran II.

Skop kajian ini membincangkan pemaparan nilai-nilai budaya Tamil dalam cerpen kerana cerpen mencerminkan nilai budaya sesuatu masyarakat jika dibandingkan dengan bahan sastera lain. Fenomena ini berlandaskan hakikat bahawa, cerpen adalah relatif pendek jika dibandingkan dengan novel, dan ia dapat dibaca dengan mudah dalam masa yang singkat serta aspek ini menyebabkan cerpen menjadi genre yang lebih berkesan sebagai alat untuk menyampaikan sesuatu amanat penulisnya (Mohd Thani Ahmad (ed.), 1988). Bagi tujuan kajian ini, penyelidik hanya memilih satu unsur adat resam dari nilai budaya ‘Sistem Normatif’ kerana unsur adat resam ini paling banyak dipaparkan dalam teks cerpen-cerpen yang dikaji. Kajian ini dibataskan kepada kajian kualitatif sahaja kerana ia akan menginterpretasi kandungan teks cerpen dan kandungan pendapat sarjana-sarjana Tamil.

## 1.6 Kerasionalan Pemilihan Bahan Kajian

Walaupun terdapat banyak buku, majalah dan novel dalam pasaran yang mencitrakan nilai-nilai budaya Tamil dalam aliran ceritanya, penyelidik hanya memilih antologi cerpen-cerpen ini kerana ia banyak mencerminkan nilai-nilai budaya Tamil. Malah, cerpen-cerpen ini dapat menonjolkan gambaran jelas berkaitan nilai budaya masyarakat Tamil yang dikaji. Karya-karya tersebut turut mencerminkan nilai-nilai budaya Tamil tradisional yang telah dilupakan dan ditinggalkan oleh masyarakat Tamil di Malaysia dalam arus pemodenan.

Namun, karya-karya terbitan “*Nenjaarntha Tamil Pagirvu*”, adalah antara karya sastera yang terkini, bermutu yang diselitkan dengan amalan kebudayaan dan nilai-nilai Tamil. Oleh yang demikian, KKCTM dipilih serta digunakan sebagai bahan utama dalam penyelidikan ini. Tambahan pula, cerpen-cerpen terbitan 2013 dipilih kerana ia adalah himpunan cerpen semasa di pasaran ketika penyelidikan dijalankan.

## **1.7 Definisi Operasional**

Sebelum meneruskan perbincangan, adalah wajar untuk mengupas definisi operasional beberapa istilah, demi memudahkan pemahaman kajian ini.

### **1.7.1 Definisi Nilai Budaya**

Berdasarkan pendapat Puteri Roslina Abdul Wahid (2007:111), unsur budaya boleh dibahagikan kepada dua, iaitu ‘budaya kebendaan’ dan ‘budaya bukan kebendaan’. Menurutnya lagi, norma atau ‘nilai budaya’ sesuatu bangsa itu berbeza antara satu dengan yang lain.

Menurut Rajaratnam (2007), ‘nilai budaya’ adalah sifat peribadi manusia seperti bercakap benar, hidup melaksanakan tanggungjawab agama dan moral, akur kepada keadilan, tidak menghancurkan kehidupan rumah tangga orang lain, hanya mempertimbangkan niat yang baik, adat, kebiasaan, hospitaliti, berkomunikasi secara sopan dan melaksanakan apa yang telah diperkatakan. Menurut beliau lagi, walaupun ‘nilai budaya’ merupakan doktrin universal yang diterima, namun setiap kaum dan etnik dunia hanya mengutamakan beberapa ‘nilai budaya’ dalam kehidupan mereka. Ada yang mengutamakan kebersihan, ada yang mengutamakan kejujuran, kesopanan, kesaksamaan, kecantikan dan keimanan (Rajaratnam, 2007:155). Menurutnya lagi, masyarakat Japan mengutamakan kecantikan, masyarakat Sepanyol mengutamakan kepahlawanan, masyarakat India mengutamakan keimanan dan masyarakat Rusia pula mengutamakan kesaksamaan. Beliau berpendapat bahawa, masyarakat yang mengamalkan banyak ‘nilai budaya’ dalam kehidupannya, akan menerima balasan ‘nilai budaya’ yang sama banyak dari kaum-kaum lain di dunia.

Justeru itu, dapatlah dirumuskan bahawa, ‘nilai budaya’ adalah amalan dan perilaku yang dipandang mulia dan berstatus tinggi dalam sesuatu masyarakat tertentu. Tambahan pula, norma dan ‘nilai budaya’ sesuatu masyarakat adalah berbeza antara satu masyarakat dengan yang lain. Seseorang individu perlu mengetahui kehidupan dan budaya sesebuah masyarakat itu, sebelum dia dapat memahaminya dengan betul ‘nilai budaya’ mereka. Pendek kata, sekiranya sesuatu bangsa berhasrat untuk mendapat penghormatan dalam dunia, maka bangsa tersebut seharusnya mengamalkan ‘nilai-nilai budaya’ yang terdapat dalam teori dan ideologi. Nilai budaya menjadi tunjang perkongsian dalam komuniti yang membentuk sesuatu masyarakat dan memandunya agar berfungsi secara berdisiplin ke arah destinasi yang dituju.

## **1.8       Kesimpulan**

Kajian ini merupakan satu usaha untuk menganalisa pemaparan nilai budaya Tamil dalam karya kreatif Tamil Malaysia (cerpen). Latar belakang penyelidikan ini menghuraikan secara umum berkaitan peralihan amalan kehidupan dari nilai-nilai yang mulia kepada kehidupan ala-barat yang telah menjasakan lagi situasi masyarakat India di Malaysia. Sementara itu, pernyataan masalah ditumpukan pada isu masyarakat India yang kurang membaca sebagai asas penyelidikan ini dijalankan. Maka, bagi menyelesaikan pernyataan masalah ini, matlamat dan objektif penyelidikan telah dibangunkan. Rentetannya, batasan kajian dibentuk supaya penulisan penyelidikan tidak terpesong daripada ruang lingkupnya. Penyelidikan ini akan mencerminkan beberapa idea baru yang dapat menambahkan khazanah ilmu cerpen dalam kesusasteraan Tamil Malaysia. Penyelidik hanya akan membincangkan satu nilai budaya ‘Sistem Normatif’ dari empat kategori nilai budaya yang dikumpul.

## RUJUKAN

- Adoptions, R. O. F. (2006). Act 253: Registration of Adoptions Act 1952, (January), 1–17.
- Aishah@Eshah Mohamed, & A. A. B. (2011). Wanita Melayu dan tumbuhan ubatan: satu analisis budaya. (Malay women and medicinal plants: A cultural analysis). *Jurnal Melayu*, 7.
- Ananda, G. (1960). *The Society of The Ramayana*. Maharagama, Ceylon: Saman Press.
- Annadurai, M. (2007). *Cerpen-Cerpen “Peravai Kathaikal” (1986-2000) Satu Kajian Tema*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Annamalai, S., & Muniandy, B. (2013). Reading Habit and Attitude among Malaysian Polytechnic Students. *International Online Journal of Educational Sciences*, 5((1)), 32–41.
- Balasubramanian, K. V. (2005). The Standards of Tamils living. In *Compendium On The Culture of The Tamils- Part II* (p. 1150). Ipoh: Vallalar Anbu Nilayam, Ipoh.
- Balasubramanian, K. V. (1997). *Purapporul kattum tamizhar panbaadu*. In *Kaliaperumal, K. (Ed.), Ulaga tamizhar panpattu kalanjiyam*. Ipoh: Vallalar Anbu Nilayam.
- Barnes, H. ., & Olson, D. . (1985). *Parent-Adolescent Communication And The Circumplex Model. Child Development*.
- Barnlund, D. C., & Yoshioka, M. (1990). Apologies: Japanese and American styles. *International Journal of Intercultural Relations*, (14), 193–206.
- Berhanundin, B. A. (2014). PEMBUANGAN BAYI PENYEBAB. *Jurnal Pengurusan Dan Penyelidikan Fatwa*, 4, 161–174. <https://doi.org/ISSN: 2232-1047>.
- Brown, P., & Levinson, S. (1987). *Politeness: Some Universals In Language Use*. Cambridge: Cambridge University Press.
- By, P., Commissioner, T. H. E., Law, O. F., With, I. N. C., & Nasional, P. (2006). Act 257: Adoption Act 1952, (January), 1–28. Retrieved from <http://www.unicef.org/malaysia/Child-Act-2001.pdf>
- Calhoun, G., Jurgens, J., & Chen, F. (1993). Juvenile Delinquency: Trends, Problems and Causes. In *Seminar Delinkuensi Juvana*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Coleman, J. W., & Cressey, R. D. (1993). Sosial Problem, 5th. Ed. Harper Collins.

- Dhandayudham, R. (1978). Malaysian Society in Malaysian Tamil Short Stories. In *Malaysian Society in Malaysian Tamil Short Stories*. Jabatan Pengajian India: University Malaya, Kuala Lumpur.
- Fauziah Ibrahim. (2008). Sokongan Keluarga dan Kecenderungan Penagihan Relaps dalam Kalangan Penagih Dadah di Malaysia. *Malaysian Journal of Social Policy and Society*, 5, 181–194.
- Frank, S., & Associates. (1996). *Reading Profile of Malaysians 1996*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Gadamer, H.-G. author. (1989). *Truth and Method/ Hans-Georg,Gadamer/ Translations rev. by Joel Weinsheimer and Donald G. marshall*. (2nd rev. e). London : Sheed & Ward, cop.
- Geti. (1994). *Introduction to Geography*. Oxford: WM.C.
- Global Indian, B. (2017). 25 Scientific reasons behind Hindu Rituals and Culture. Retrieved December 12, 2017, from <https://www.indabaa.com/scientific-reasons-behind-hindu-traditions/>
- H.Moh.Haitami, S. (2011). *Hubungan Islam Dengan Budaya Tempatan: Suatu Analisis Terhadap Amalan Upacara Adat Melayu Pontianak*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Hamzah, Z. A. Z., Hassan, A. F. M., & Adama, M. N. H. M. A. (2011). Kesantunan Bahasa Dalam Kalangan Remaja Sekolah Menengah. *Journal Bahasa*, (12(2)), 321–338.
- Hashim, H. M. (2001). *Falsafah, logik, teori nilai dan etika Melayu: Suatu pengenalan*. Kuala Lumpur, Malaysia: Akademi Pengajian Melayu.
- Hashim, I. (2010). *Hermeneutik Reaksi Reformasi Kaum Muda*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan., A. M. dan A. (2005). *Kuasa berfikir kreatif: teknik menyelesaikan masalah secara kreatif*. Bentong, Pahang : PTS Pub.: PTS Millennia Sdn Bhd.
- Hasyim, S. et all. (2008). *Modul Islam dan Pluralisme*. Jakarta: ICIP (International Center for Islamic and Pluralism), cet.
- Jaafar. (2012). Strategi Penjelasan Dalam Permohonan Maaf Bahasa Melayu Dan Jepun: Satu Perbandingan Antara Budaya. *Jurnal Linguistik*, 15(2008). <https://doi.org/ISSN 1823-9242>
- Jackson, S., Bijstra, J., Oostra, L., & Bosma, H. (1998). *Adolescents' Perceptions Of Communication With Parents Relative To Specific Aspects Of Relationships With Parents And Personal Development*. Adolescence.

- Jean Lawrence, S. (2007). *Tamiliyal ayvuc Cintanaikal Nattupuraviyal, Kalai & Panpatu*. Chennai, India.: A V Prints.
- Jesuthas. (2010). *Cerpen-cerpen karya M. Shanmugasiva : satu kajian tema dan struktur*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Jeyanthy, G. (2006). *Perspekti Ibumapa Terhadap Pantang Larang Dalam Pembentukan Disiplin Kendiri Di Kalangan Pelajar Remaja India*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Kalaivani, P. (2011). *Kajian Isu-Isu Semasa Dalam Cerpen Tamil Terbitan Akhbar Malaysia Nanban*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Kaliaperumal, K. (2005). *Compendium On The Culture Of The Tamils 2*. Ipoh: Vallalar Anbu Nilayam, Ipoh.
- Karthigesu, R. (2004). *Malēciyat Tamil Ilakkiam Ōr Arimukam (Kesusasteraan Tamil Malaysia: Satu Pengenalan)*. Kuala Lumpur: Persatuan Penulis Tamil Malaysia.
- Kaur, S., & Thiagarajah, R. (1999). The English Reading Habits of ELLS Students in University Science Malaysia. In *Proceedings of the Sixth International Literacy and Education Research Network Conference on Learning, Malaysia*. Penang, Malaysia.
- Khairunisah Sayed Ibrahim. (2008). *Unsur budaya dalam koleksi terjemahan cerita jenaka Bahasa Melayu - Bahasa Jerman: satu analisis*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Lakshmanan Chettiar, S. M. L. (1981). *Tamizh Nattu Makkalin Marabum Panbadum: Folklore Of Tamilnadu*. New Delhi, India.: National Book Trust, India.
- Laura, M. (2008). *Malaysiath tamilarkalidaiye kaanappadum vaalviyal sadanggukal*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Lewis, J. R. (ed. . (2007). The Invention of Sacred Tradition. *Cambridge University Press*, 300. <https://doi.org/10.1017/CBO9780511488450.015>
- Liu, Z. (2005). Reading behavior in the digital environment: Changes in reading behavior over the past 10 years. *Journal of Documentation*, 61(6), 700–712.
- Mahfar, A., Abdul Jalil, H., Azhar, A. S., Thilinanadan, M., Kadir, D., Ahmad Zaini, K., ... Rasid, R. (2010). Berita Harian. *The New Straits Times Press (M) Bhd*, p. 28.
- Malathi, B. U. T. A. M. (2005). Ulagenggum Kural Ollikattum. In P. A. Thamil-man:i. (Ed.), *Kalanciyam Tamilmarai: International Symposium On Holy Tamil Script Tirukkural-Malaysia*. (First, pp. 164–171). Batu Caves : Malaysia: Batu Caves : Malaysia Thamilar Oringkinaippu Iyakkam.

- Manavalakan, A. (2005). *Pantait Tamilarin Tolainokkup Parvai*. Madras, India: Kavya.
- Manimaran Govindaraj. (2008). *Penampilan nilai-nilai budaya dalam puisi Tamil Malaysia*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur. <https://doi.org/DS404> UM 2008 MAN
- Manonmani Devi, A. M. A. . (2017). *A Compilation Of Literature Research Paper*. Kajang, Selangor: My Story Enterprise.
- Maria, C. § A. (1918). LAW IN THE NORMATIVE SYSTEM OF THE SOCIETY. *Annales Universitatis Apulensis Series Jurisprudentia*, 13, 84, 85–91.
- Md Yasin, A. Y., Wan Mohd Shaupil, W. M. H., Mukhtar, A. M., Abd Ghani, N. I., & Rashid, F. (2010). The English Proficiency of Civil Engineering Students at a Malaysian Polytechnic. *Asian Social Science*, 6(6), 161–170.
- Mohamed Sabib Abdullah. (2007). *Pemaparan Isu-Isu Sosial Dalam Puisi-Puisi Tamil Malaysia Selepas Kemerdekaan*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mohd Sukor, N., Perdani Sawai, R., Mohd Salleh, M. M., Ab Halim, M. A., Baharuddin, D. F., & Sawai, J. P. (2013). Management Of Baby Dumping In Malaysia: Considering Socio-Cultural, Legal And Religious Context. *Jurnal Al-Abqari Vol.3, 2013*, 3, 45–55. <https://doi.org/ISSN: 2232-0431/eISSN: 2504-8422>
- Mohd Thani Ahmad (ed.). (1988). *Wajah Biografi Penulis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Murasu, N. (1997). *Malaysia Tamil Kavithaik Kalanjam (An Anthology of Malaysian Tamil Poetry 1887-1987)*. (R. Subramanian, Ed.). Klang, Selangor: Arulmathiyam Publications, Klang, Selangor.
- Musa, H. H., Said, N. S., Rodi, R. C., & Karim, S. S. A. (2012). Hati budi melayu: Kajian keperibadian sosial melayu ke arah penjanaan melayu gemilang. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 12(1), 163–182.
- Musa, Z. M. (1985). Dinamisme Ijtihad Fiqh Tentang Hospitaliti Rumah Kediaman. *Journal Perspektif*, 1(Jil. 7 Bil. 1), 41–49.
- Nachiappan, S. (2005). Kewujudan afektif dan kognitif dalam eseи pelajar sekolah menengah melalui penyelidikan kualitatif (analisis Hermeneutik). In *3rd International Qualitative Research Convention, 21-23 Ogos 2005, Johor, Malaysia*. Johor, Malaysia.
- Nasution, H. (2014). Penetapan Cucu Sebagai Anak Angkat dan Implikasinya Terhadap Masalah Waris. *Ahkam*, XIV(1), 73–84.

- Nhatter., M. (1953). *Palanhthamilar Panpu Pal-anhthamil-ar pan:pu / C. Muththukkirut:t:ina Nha:t:t:a:r. Pal-anhthamil-ar pan:pu / C. Muththukkirut:t:ina Nha:t:t:a:r. பழந்தமிழர்பண்டு / சி. முத்துக்கிருட்டின் நாட்டார்.* Author: Muththukkirut:t:ina Nha:t:t:a:r, C. Local LC Call No. Madras, India: Alliance Co.
- Noor Aina Dani. (2011). Aplikasi Kaedah Analisis Kandungan : Gambaran Budi Bahasa dan Nilai Murni Orang Melayu dalam Buku Malay Courtesy. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 29(1), 121–136.
- Nor Atikah Azmi. (2011). *Interpretasi Budaya Dalam Kesenian Berbongkai*. Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Nor Shahriza A. K., & A. (2007). Reading habits and attitude in the digital age: Analysis of gender and academic program differences in Malaysia. *The Electronic Library*, 25(3), 285–298.
- Nurzatil Ismah Azizan, Nazneen Ismail, Sahlawati Abu Bakar, Zanariah Dimon, & Asma' Wardah Surtahman. (2015). Permasalahan Sosial Dalam Kalangan Remaja Di Selangor : Satu Tinjauan. *Interantional Conference on Aqidah, Dakwah and Syariah*, 2015(October), 1–15.
- Olshtain, E., & Cohen, A. (1983). *Apology: A speech act set*. Dlm. Wolfson, N & E.Judds (pnyt.). *Sociolinguistics and language Acquisition*. Mass.: Newbury House.
- Othman, L. (2014). *Penyelidikan kepada teori dan Metode*. Tanjung Malim, Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Paktavatcal, B. (2007). *Tamiliyal Āyvuc Cintañaikal Nāṭṭuppuraviyal, Kalai Panpātu. Analisis Pemikiran Tamil dalam Sastera Rakyat, Seni Dan Budaya*. Chennai, India.: International Institute of Tamil Studies. (195-206).
- Pandian, A. (1997). Literacy in Postcolonial Malaysia. *Journal of Adolescent & Adult Literacy*, 40(5), 402–405.
- Pandian, A. (2000). A study on readership behavior among multi- ethnic, multi-lingual Malaysian students. In *7th International Literacy and Education Research Network (LERN) Conference on Learning*,. RMIT Uni versity, Melbourne.
- Paramasivan, T. (2006). *Panpaattu Asaivukal*. Nagercoil, India.: Kalachuvadu Pathippagam.
- Parvathi Vellachami. (2013). *Silappathikaram : kajian tentang nilai perkembangan diri, kekeluargaan dan demokrasi*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Ponniamah, M. . (2017). *Kebudayaan Masyarakat Tamil Malaysia Dalam Antologi Cerpen Re.Karthigesu*. Universiti Putra Malaysia.

- Puspa, N. (2014). *Wanita Dalam Cerpen-Cerpen R. Karthigesu*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Puteri Roslina Abdul Wahid. (2007). Komunikasi Silang Budaya dalam Penterjemahan Bahasa Melayu: Analisis Budaya Kebendaan. *Jurnal Bahasa, Kuala Lumpur*, 7(2), 111–133.
- Raja Rajeswari. S. R. (2006). *Pemikiran dalam cerpen Uthaya Sankar SB dari aspek interteksualiti*. Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Rajantheran.M, & Manimaran.S. (1994). *Adat Dan Pantang Larang Orang India*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Rajantheran, M. (1994). *Sejarah Melayu: Kesan Hubungan Kebudayaan Alam Melayu Dan India*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Rajaratnam, S. (2007). *Panpatu Verum Vilutum*. Toronto, Canada: Tamil Heritage Association.
- Rajoo, R. (1984). Indian Culture In Malaysia. In A. Kathirasan (Ed.), *Seminar on Indian Cultural in Malaysia organised by the Penang Indian Cultural and Arts Society (PICAS)* (p. 16). Penang, Malaysia: The Penang Indian Cultural and Arts Society (PICAS).
- Ravindaran, M. (2012). *Penggambaran Citra Wanita Dalam Cerpen Tamil Malaysia, 1970-2010: Kajian Berasaskan Teori Arketaipal*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Ravindran, K. (2005). Naadaga Aranggeetram Kaathum Tamizh Panpaadu. In *Compendium On The Culture of The Tamils- Part II* (pp. 885–891). Ipoh, Perak: Vallalar Anbu Nilayam.
- Reddi, P. M. (2013). A Touch of Turmeric: Examining an Ayurvedic Treasure. In *Advances in Anthropology*, 3(2). (pp. 91–95).
- Revathy, S., Elumalai, S., Benny, M., & Antony, B. (2011). Isolation , Purification and Identification of Curcuminoids from Turmeric ( Curcuma longa L .) by Column Chromatography. *Journal of Experimental Sciences*, 2(7), 21–25. Retrieved from jexpsciences.com/article/download/7767/3965.
- Rohayati, D. (2004). *Persepsi Ibu Bapa Terhadap Faktor-Faktor Keruntuhan Akhlak Remaja Islam Masa Kini: Satu Tinjauan Di Taman Aman Anak Bukit, Alor Setar Kedah*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Sangar Munisamy. (2011). *Budaya Masyarakat Tamil Zaman Sangam Berdasarkan Teks Paripatal*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Saravanan, P. V. (2010). *Citra Identiti Budaya Masyarakat India: Satu Pembicaraan Cerpen Melayu Karya Satu Cerpenis India*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

- Sasivalli, V. . (2003). *Tamilar Tirumanam*. Chennai, India.: International Institute of Tamil Studies.
- Seiva Subramaniam, R. (2007). *Nilai-nilai moral dalam karya Kambaramanayanam : kajian dari perspektif sukanan Pendidikan Moral Sekolah Menengah*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Shamsuddin, S. (2008). *Anak Angkat dan Undang - undang* . Kuala Lumpur, Malaysia.: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Silllalee. (2011). *Peranan Media Penyiaran dalam Pembinaan Jati Diri India Malaysia: Kajian kes ke atas telefilem di Astro Vaanavil*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Sotimalar, A. (2005). *Tirukkuṛal Kāṭṭum Panpāṭu*. In A. Tamil Mani (Ed.), *International Symposium On Holy Tamil Script Tirukkural - Malaysia* (p. 1000). Batu Caves : Malaysia: Ulakat Tamilmarai ārāyccī ařanırıvuñam.
- Sri Ayu Kartikawati, A. (2014). Tersemat di hati. *Harian Metro*, pp. 1–2.
- Subhamoy Das. (2017). The Story of the Birth of Lord Krishna, Hindu Deity. Retrieved June 29, 2017, from <https://www.thoughtco.com/the-story-of-the-birth-of-lord-krishna-1770453>
- Thatcinamurththi, A. (2005). *Thamilar Nhakarikamum Panpatum*. Madras, India: Yal Veliyitu.
- Thilagavathy, K. (1997). Tamizhartham Panbaaddu Kuriyedugal. In Kaliaperumal, K. (Ed.), In *Ulaka tamizhar panbaattu kalanjiyam* (pp. 347–355). Ipoh, Perak: Vallalar Anbu Nilayam.
- Tiew, W. S. (2010). Tabiat Dan Minat Membaca Dikalangan Pelajar Tingkatan Empat Di SMK Hulu Kelang, Gombak, Selangor. *Jurnal PPM*, 4.
- Varataracanar.M. (2003). *Penerangan Thirukkural*. Chennai: Tirunelveli Corporation Limited South caivacittanta nurpatippuk.
- Vijandran, D. P. (1982). Indian Culture In Malaysia. In *Seminar on “Indian Culture in Malaysia”* (p. 13). Penang, Malaysia: The Penang Indian Cultural and Arts Society (PICAS).
- Wan Abdul Kadir, W. Y. (2007). Antara Tradisi Timur Semenanjung Malaysia. *Jurnal Pengajaran Melayu*, 18, 172–185.
- Weinsheimer, J. (1991). *Philosophical Hermeneutic and Literacy Theory*. Yale University Press,United States Of America.
- Wijeyaratnam, K. (2010). *Ancient Tamils and Social Imbalances*. Chennai: Manimegalai Press.

YAB Dato Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, . (2006). *Globalising Malaysia: Towards building a developed nation*. Kuala Lumpur, Malaysia.

Zakiyah Jamaluddin. (2001). Masalah Sosial Remaja: Tinjauan daripada Perspektif Sosiologi. *Dimensi-Dimensi Pembangunan Sosial*, 117–124.

Zvelebil, K. (1973). *The Book of Lofty Wisdom, The Smile of Murugan on Tamil Literature of South India*. Leiden, Netherlands: E. J. Brill.

